

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**2023**

**HARI ISNIN : 20 NOVEMBER 2023**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO. 2, 4, 6, 8,10, 14 HINGGA NO. 45 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [ SARATOK ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ALI ANAK BIJU [ SARATOK ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mempertimbangkan memberi bantuan geran percuma kepada pekebun kelapa sawit yang baru sebagai salah satu langkah pembasmi kemiskinan seperti yang pernah dibuat oleh Kerajaan terdahulu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan **telah memulakan bantuan berupa geran kepada pekebun kecil sawit persendirian melalui Skim Bantuan Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil Sawit (TBSPK)** yang telah selesai diagihkan pada 31 Disember 2020 dan telah tamat sepenuhnya pada 30 Ogos 2021. Seramai **5,135** pekebun kecil sawit telah menerima manfaat daripada skim ini dengan keluasan tanah sebanyak **12,849** hektar.
2. Berdasarkan pembentangan Belanjawan 2024, Kerajaan telah memperuntukkan dana sejumlah **RM100 juta** bagi **Insentif Program Tanam Semula Sawit (IPTSS)** secara geran dan pinjaman kepada pekebun kecil sawit persendirian yang berkelayakan dan bersasar. Skim IPTSS ini diberikan melalui geran sebanyak **50%** dan **50%** lagi adalah secara pembiayaan mudah melalui Agrobank dengan kadar faedah rendah **2%** sebagai caj perkhidmatan.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pewujudan bantuan sebegini adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Walaupun tiada bantuan berupa geran percuma yang ditawarkan pada masa kini, pekebun-pekebun kecil yang layak masih boleh memohon inisiatif-inisiatif lain berbentuk pembiayaan mudah melalui **Skim Pembiayaan Input Pekebun Kecil Sawit Persendirian (IPPKS)** untuk bantuan pembelian input seperti biji benih, baja, racun kawalan perosak dan rumpai di cawangan Agrobank terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED**  
**@ HASHIM [KUALA TERENGGANU]**  
**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [ KUALA TERENGGANU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang telah dirangka dan akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengutip cukai daripada sektor ekonomi bayangan atau *black economy* yang dianggarkan menyumbang sekitar 30 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan ekonomi bayangan adalah merangkumi aktiviti ekonomi yang tidak sah di sisi undang-undang seperti sindiket jenayah atau dikenali sebagai ekonomi bawah tanah. Ia juga termasuk sektor formal tidak didaftarkan seperti perniagaan dalam talian, pempengaruh (*influencer*), urus niaga tunai tanpa rekod (*cash economy*) dan pekerja sambilan yang tidak melaporkan pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Hasil pendapatan daripada aktiviti ekonomi bayangan ini adalah antara cukai yang gagal dikutip oleh pentadbir cukai disebabkan aktiviti mereka tidak dapat dikesan.

Ekonomi bayangan wujud di setiap negara sama ada maju ataupun membangun termasuk Malaysia. Laporan daripada Kementerian Kewangan (MOF) – *Economic Outlook* bagi tahun 2021 dan 2023 menunjukkan bahawa saiz *shadow economy* menunjukkan kadar penurunan. Secara puratanya, bagi tempoh 2010 hingga 2019 saiz ekonomi bayangan di Malaysia adalah dianggarkan 21.2% berbanding tempoh 2000 – 2009, di mana saiz ekonomi bayangan adalah 30.2% berbanding KDNK negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi ketirisan hasil dan ketidakpatuhan ekonomi bayangan, Kerajaan sentiasa proaktif dalam menangani isu ekonomi bayangan melalui kaedah meningkatkan kadar pematuhan cukai, mengekang ketirisan hasil dan seterusnya meningkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian negara. Menyedari kepentingan data dan maklumat bagi memerangi *shadow economy*, Kerajaan melalui LHDNM sedang melaksanakan dua inisiatif utama, iaitu nombor pengenalan cukai (*Tax Identification Number-TIN*) dan E-Invois (e-Invoicing). Kaedah ini adalah berdasarkan amalan terbaik yang dilaksanakan oleh pentadbir cukai negara-negara lain dalam menangani masalah ekonomi bayangan.

## NO SOALAN : 4

Matlamat utama pengenalan TIN adalah untuk membina budaya pematuhan cukai sebagai a *way of life* dan kewajipan kepada negara. Individu warganegara dan pemastautin tetap yang mencapai umur 18 tahun akan diberikan TIN secara automatik. Pelaksanaan TIN yang bermula pada 1 Januari 2022 memastikan pelbagai dokumen atau borang percukaian seperti penyeteman dokumen rasmi diwajibkan mempunyai TIN. Ini akan meningkatkan aktiviti pengesanan oleh LHDNM, meluaskan asas percukaian negara dan seterusnya berupaya menangani isu ekonomi bayangan dan ketirisan hasil negara.

Kerajaan juga akan melaksanakan e-Invois secara berperingkat mulai tahun 2024 berdasarkan nilai ambang jualan perniagaan. Pelaksanaan e-Invois merupakan suatu mekanisme baharu untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran cukai negara dan seterusnya meningkatkan pematuhan cukai. Langkah ini akan memberikan pelbagai manfaat kepada Kerajaan, pentadbir cukai dan perniagaan iaitu dari segi meningkatkan kecekapan perniagaan, menangani ekonomi bayangan dan mengekang ketirisan hasil cukai negara. Selaras dengan pelaksanaan TIN, e-Invois yang menyalurkan data invois secara *real-time* dapat meningkatkan kecekapan pengesanan, trend aktiviti ekonomi, analisa risiko dan fokus audit/siasatan secara lebih tepat dengan keberhasilan yang tinggi.

Ini adalah sebahagian inisiatif terkini Kerajaan dalam usaha meluaskan jaringan pembayar cukai. Inisiatif sedia ada iaitu meningkatkan kutipan hasil menggunakan pendekatan pematuhan seperti aktiviti audit dan siasatan masih relevan dan akan diteruskan, terutama sekali apabila kerjasama perkongsian maklumat kian meningkat di kalangan pentadbir cukai di peringkat antarabangsa.

Selain itu, beberapa inisiatif lagi bagi menangani *shadow economy* yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui LHDNM adalah seperti berikut:

- a) Kerjasama strategik dan pintar bersama agensi-agensi penguatkuasa serta badan-badan profesional tempatan dan antarabangsa di mana jalinan kerjasama di antara LHDNM

## NO SOALAN : 4

dengan agensi penguatkuasaan lain dan badan-badan profesional ini telah terbukti dapat memberikan pendedahan yang luas serta memantapkan pengetahuan dan tindakan penguatkuasaan dalam menangani isu jenayah gelap;

- b) Aplikasi platform pertukaran maklumat dalaman dan antarabangsa secara efektif juga dilihat sebagai satu langkah jangka masa panjang untuk menangani isu *shadow economy*;
- c) LHDNM juga terus komited dalam memantapkan pembangunan modal insan bagi pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengendalian pendidikan cukai dan penguatkuasaan pematuhan cukai dalam konteks menangani *shadow economy*; dan
- d) Selain itu, LHDNM telah mewujudkan parameter yang lebih berkesan bagi memastikan pemilihan dan penyaluran kes yang berkualiti untuk tindakan audit dengan membuat *data matching* dengan sumber maklumat dalaman dan luaran.

Di samping itu, Kerajaan sentiasa memberi tumpuan dalam usaha menangani masalah penyeludupan yang menyebabkan ketirisan hasil khususnya yang melibatkan barang berdut tinggi seperti kenderaan, rokok dan minuman keras. Pelbagai langkah telah dilaksanakan di peringkat agensi penguatkuasa bagi membanteras penyeludupan dan pengedaran produk tidak sah di pasaran. Antara langkah yang dilaksanakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan kerjasama agensi penguatkuasa lain adalah seperti berikut:

- a) Operasi Khas ke atas barang kritikal dan berdut tinggi yang diimport di pelabuhan dan pintu masuk negara melalui pemeriksaan dokumen atau secara fizikal;
- b) Pemeriksaan dokumen dan fizikal ke atas pengimportan rokok dan tembakau, minuman keras serta pengilang kenderaan bermotor dan motosikal;

## **NO SOALAN : 4**

- c) Pemeriksaan dokumen dan fizikal ke atas pengilang-pengilang yang berstatus Gudang Pengilangan Berlesen dan ke atas barang yang disimpan di dalam Gudang Berlesen;
- d) Operasi bersasar di pelabuhan-pelabuhan utama dengan mensasarkan komoditi yang berisiko tinggi;
- e) Melaksanakan pengauditan dengan lebih cekap bagi membendung ketirisan hasil dan memastikan segala perundangan cukai dipatuhi, seterusnya cukai diikrar dan dibayar dengan betul dan tepat; dan
- f) Menjalankan siasatan ke atas kes-kes berprofil tinggi yang melibatkan ketirisan hasil yang besar serta melaksanakan kajian dan semakan ke atas bil tuntuan yang tidak berasas.

Namun begitu, Kerajaan sedar bahawa usaha penguatkuasaan dan kawalan penyeludupan oleh agensi penguatkuasaan perlu terus dipergiat bersama-sama dengan pihak industri bagi mengekang ketirisan hasil cukai dengan lebih berkesan. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus komited dalam mempertingkatkan usaha membanteras penyeludupan bagi mengekang ketirisan hasil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (DUNGUN) minta MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan perancangan Kementerian dalam melatih bakal usahawan agar menguasai ilmu perniagaan dan pemasaran terkini terutamanya melibatkan kecerdasan buatan yang semakin maju berkembang ketika ini.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) tidak mempunyai program latihan keusahawanan secara khusus dalam bidang kecerdasan buatan. Walau bagaimanapun, dalam memastikan bakal usahawan lebih bersedia dengan perkembangan teknologi semasa, kementerian ini telah memberi fokus kepada usaha menggalakkan penggunaan platform digital bagi memperluaskan akses pasaran melalui program-program seperti berikut:
  - (i) melaksanakan Kursus Asas Keusahawanan (KAK) di bawah Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) yang memfokuskan kepada modul-modul latihan merangkumi pengurusan operasi perniagaan dan aktiviti pemasaran serta aspek jualan secara dalam talian;
  - (ii) menawarkan Skim Pembiayaan Online TEKUN (SPOT) melalui TEKUN Nasional bertujuan menyediakan modal pembiayaan kepada usahawan yang menjalankan perniagaan secara atas talian;
  - (iii) memperkenalkan Skim SME Technology Transformation Fund (STTF) melalui SME Bank yang menyediakan pembiayaan kepada PMKS untuk meningkatkan penggunaan digital dalam operasi perniagaan;
  - (iv) melaksanakan Program Pemantapan Penjaja dan Peniaga Kecil bertujuan memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan mengenai pendigitalan perniagaan kepada penjaja dan peniaga kecil; dan
  - (v) memberi pendedahan kepada bakal usahawan mengenai ilmu perniagaan termasuk pendigitalan pemasaran melalui Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) di bawah SME Corp.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO : 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[TANAH MERAH ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [ TANAH MERAH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha dilakukan oleh KDN bagi membanteras kegiatan warga asing bermiaga termasuk membuka gerai serta kedai runcit.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan dan keberadaan warga asing di Malaysia adalah tertakluk kepada dasar, peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa. Hal ini termasuklah keperluan untuk memiliki dokumen perjalanan yang sah, mematuhi tempoh keberadaan yang dibenarkan serta pematuhan kepada syarat-syarat pas yang dikeluarkan.

Pekerja asing di Malaysia hanya dibenarkan bekerja di sektor penggajian yang ditetapkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM). Dasar penggajian pekerja asing menetapkan supaya semua pekerja asing yang bekerja di Malaysia untuk mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang sah selaras dengan Peraturan 11, Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Dalam hubungan ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited dalam memastikan syarat-syarat PLKS dipatuhi selaras dengan peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Isu warga asing yang menjalankan perniagaan di kawasan tumpuan awam seperti di pasar-pasar awam atau gerai-gerai sentiasa dipantau oleh pihak Kerajaan melalui kerjasama strategik antara KDN, JIM, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa. Selaras dengan Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja di bawah PBT, kelulusan sewaan tapak pasar awam dan pengeluaran lesen hanya diberikan kepada warganegara Malaysia sahaja dan warga asing yang bekerja dengan penyewa tapak pasar malam tersebut mestilah mempunyai pas kerja yang sah. Bagi penyewa tapak pasar yang menyewakan tapak kepada warga asing, PBT tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas dengan menarik semula sewaan tapak serta lesen perniagaan dibatalkan.

Sebagai usaha pembanterasan pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini, KDN melalui JIM sentiasa melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu dengan pihak PBT. Bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 21 September 2023, sebanyak 6,477 operasi telah dilaksanakan oleh JIM yang melibatkan tangkapan seramai 17,723 orang PATI.

## **SOALAN NO : 10**

Manakala, JIM secara khususnya turut melaksanakan Ops Belanja dan Ops Jaja bagi mengatasi isu permasalahan warga asing yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen yang sah. Ops Belanja menyasarkan premis-premis antaranya seperti pasar mini atau pasar raya, kedai runcit dan kedai perabot. Bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 22 September 2023, seramai 3,159 PATI telah ditangkap atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] melalui pelaksanaan Ops Belanja. Antara kesalahan-kesalahan yang direkodkan adalah tiada dokumen perjalanan yang sah, tinggal lebih masa, salah guna pas dan melindungi PATI. Bagi tempoh yang sama, 585 PATI telah ditangkap semasa Ops Jaja yang menumpukan kawasan-kawasan seperti pasar malam, pasar tani, pasar borong dan gerai-gerai jalanan.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan, JIM turut mengambil langkah tambahan bagi memastikan warga asing tidak menyalahgunakan pas imigresen untuk kepentingan peribadi seperti berkahwin dengan warganegara Malaysia yang dikategorikan sebagai *marriage of convenient*, iaitu:

- (i) melaksanakan pemantauan dan semakan melalui naziran;
- (ii) mengadakan temu duga dengan pasangan yang berkenaan; dan
- (iii) mengenakan wang cagaran kepada penaja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA  
[ SUNGAI BESAR ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [ SUNGAI BESAR ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hala tuju pendidikan TVET dan adakah pendedahan diberikan kepada para pelajar yang berminat terutamanya mereka yang kurang menyerlah dalam bidang akademik akan peluang yang ada dalam bidang TVET.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited memastikan semua murid mendapat akses kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berkualiti tanpa mengira latar belakang akademik di mana syarat minimum yang perlu dipenuhi oleh murid hanyalah dengan menguasai asas 3M sahaja iaitu kemampuan membaca, menulis dan mengira. Sehubungan dengan itu, KPM menyediakan pelbagai laluan dan pilihan program TVET kepada murid lepasan Tingkatan 3 yang berkecenderungan kepada bidang kemahiran.

Antara program yang disediakan termasuk program Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Diploma Kolej Vokasional, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dilaksanakan di Kolej Vokasional, manakala, Program Vokasional Menengah Atas (PVMA), Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) dilaksanakan di sekolah menengah kebangsaan (SMK) yang menjadi platform kepada kemahiran asas dalam bidang-bidang pekerjaan mengikut keperluan industri masa kini.

Bagi memastikan murid memilih TVET sebagai pilihan kerjaya masa hadapan, pelbagai kerjasama bersama-sama pihak industri dan agensi dilaksanakan oleh KPM bagi menjamin kebolehpasaran yang tinggi khasnya bagi murid yang cenderung untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, menjadi usahawan atau menyertai industri sebagai tenaga kerja negara yang berkemahiran serta berpengetahuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hala tuju TVET KPM adalah untuk melahirkan graduan TVET yang berkualiti dan memenuhi keperluan industri. Antara inisiatif penting yang diambil bagi memastikan hala tuju ini dicapai adalah:

- i. Menawarkan Program TVET yang relevan, tangkas (agile) dan mampan selaras dengan Revolusi Industri 4.0;

## **SOALAN NO : 14**

- ii. Menjalinkan kolaborasi berimpak antara industri dan institusi TVET KPM;
- iii. Meningkatkan kemahiran insaniah (soft skills) dalam kalangan murid TVET KPM;
- iv. Mengaplikasikan teknologi terkini seperti *Artificial Intelligence* (AI) dan *Vitual Reality* (VR) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP); dan
- v. Memberi tumpuan kepada kemahiran kebolehkerjaan dan keusahawanan

KPM sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mempunyai ruang dan peluang untuk mendapatkan pendidikan TVET yang berkualiti serta dapat menyumbang sebagai tenaga kerja mahir negara dan secara tidak langsung membantu meningkatkan ekonomi diri, keluarga , masyarakat, dan negara.

Sekian, terima kasih.

**RJM101**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan pendaftaran kewarganegaraan oleh anak-anak tak sah taraf yang diterima, dilulus dan ditolak setakat 30 September 2023 dan sebab-sebab lewat diproses.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), sebanyak 6,456 permohonan kewarganegaraan telah diterima di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi kategori Anak Tak Sah Taraf dari tahun 2019 sehingga September 2023. Daripada jumlah tersebut, 921 permohonan telah ditolak, 5,347 permohonan sedang diproses dan bagi tempoh yang sama sebanyak 1,765 sijil warganegara telah dikeluarkan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada individu bertaraf bukan warganegara merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia, kelulusan adalah tertakluk kepada pembuktian oleh pemohon dan proses

## **SOALAN NO : 15**

pertimbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahteraan anak, dan peraturan imigresen.

Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersedia memudahkan cara permohonan yang diterima selagi ianya selaras dengan perundangan yang berkuatkuasa dan sentiasa berusaha untuk memberi pertimbangan sewajarnya terutamanya kepada pemohon yang pernah memohon di bawah Perkara 15A dan pemohon - pemohon lain yang layak selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang berteraskan nilai Ihsan dengan mengambil kira aspek kesejahteraan, kemanusiaan dan belas kasihan serta komitmen KPI Menteri untuk memproses dan mengeluarkan keputusan sebanyak 10,000 permohonan pada tahun ini dan telah pun melebihi nilai tersebut setakat bulan November ini.

Selain itu, KDN juga telah memuktamadkan pengemaskinian prosedur pengendalian standard (SOP) permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi individu berumur bawah 21 tahun, di mana bermula tahun 2020, tempoh permohonan kewarganegaraan yang diterima bagi individu di bawah 21 tahun akan melalui proses lebih efisien iaitu 12 bulan di JPN dan KDN berbanding tiga hingga lima tahun sebelum ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]**  
**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [ JASIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan inisiatif Kerajaan bagi menangani masalah wang persaraan rakyat yang tidak mencukupi yang turut dihimpit dengan saiz sektor tidak formal yang besar di Malaysia dan nisbah tanggungan yang lebih tinggi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Isu ketidakcukupan simpanan KWSP adalah di tahap serius apatah lagi negara kini sedang menghadapi fenomena penuaan penduduk yang pantas kerana ianya bakal memberi impak yang amat besar kepada negara dan rakyat, terutamanya dari segi ekonomi, produktiviti, kesejahteraan sosial, kualiti hidup dan kesihatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, **setakat 30 September 2023, bagi ahli berumur bawah 55 tahun, seramai 6.3 juta ahli atau 48% mempunyai baki simpanan kurang daripada RM10,000 dalam akaun KWSP, berbanding 4.7 juta ahli atau 37% yang dicatat pada April 2020** iaitu sebelum pengeluaran-pengeluaran khas berkaitan COVID-19 diperkenalkan. Dengan simpanan kurang daripada RM10,000, ahli dijangka hanya mempunyai pendapatan persaraan yang **kurang daripada RM42 sebulan untuk tempoh 20 tahun**.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, implikasi pengeluaran tambahan daripada Akaun 1 juga telah memberikan kesan jangka panjang iaitu pengurangan jumlah simpanan persaraan yang ketara dalam kalangan ahli KWSP.

Kerajaan menerusi Belanjawan 2024 telah mengumumkan untuk meningkatkan had caruman padanan Kerajaan di bawah program i-Saraan daripada RM300 kepada RM500 setahun. Insentif ini adalah tertakluk kepada had maksimum RM5,000 seumur hidup bagi setiap individu yang layak.

Kerajaan juga akan memberikan insentif caruman padanan bagi setiap ringgit yang dicarumkan ke dalam Skim KWSP oleh suri rumah di bawah umur 55 tahun yang berdaftar dalam pangkalan data e-Kasih di bawah program i-Suri untuk menerima insentif seumur hidup sebanyak RM3,000 setiap individu. Insentif ini adalah tertakluk kepada insentif padanan maksimum sebanyak RM300 setahun.

Kedua-dua insentif ini bertujuan untuk menarik lebih ramai ahli mencarum secara sukarela ke dalam program i-Saraan dan i-Suri serta pada masa yang sama membantu meningkatkan caruman ahli menerusi geran padanan yang diberikan tersebut.

**Strategi dan langkah-langkah KWSP untuk meningkatkan semula simpanan yang terjejas**

KWSP telah memperkenalkan pelbagai inisiatif dalam usaha membantu ahli membina semula simpanan persaraan mereka. Bagi ahli yang bekerja dan mempunyai majikan, mereka boleh memilih untuk mencarum melebihi 11% iaitu kadar caruman berkanun syer pekerja pada bila-bila masa. Mereka juga boleh mencarum secara sukarela tertakluk kepada had caruman tahunan sebanyak RM100,000 setahun bermula 1 Jun 2023. Pelbagai saluran pembayaran diperkenalkan dalam memudahkan urusan ahli termasuk bayaran menerusi aplikasi i-Akaun, perbankan internet, BSN, kaunter ejen bank dan kaunter KWSP.

Promosi dan program galakan termasuk pelancaran kempen “Jom Tambah”, program-program jangkauan (*outreach programs*), pemerkasaan lebih banyak *mobile team* KWSP terutamanya di kawasan-kawasan terpencil giat dilaksanakan bagi mendekati lebih ramai rakyat Malaysia untuk mencarum dalam KWSP.

KWSP juga menjalin kolaborasi bersama agensi-agensi seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Malaysia *Digital Economy Corporation* (MDEC), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) serta beberapa penyedia platform gig seperti Grab Malaysia dan GoGet Malaysia bagi mempromosikan dan menyediakan saluran caruman secara terus bagi memudahkan pekerja-pekerja gig ini menyimpan bagi persaraan hari tua.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI  
[ PADANG BESAR ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [ PADANG BESAR ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian dalam menangani isu sibus pembelajaran yang terlalu berat untuk pelajar sekolah rendah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menambah baik kurikulum bagi memastikan kurikulum yang digubal relevan dengan keperluan murid semasa. KPM sentiasa mengadakan pengesahan kurikulum dan kajian keperluan bagi mengenal pasti sebarang isu dan masalah dalam pelaksanaan kurikulum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kurikulum sedia ada kekal relevan dan selari dengan keperluan semasa, KPM melaksanakan pemugaran kurikulum dengan memberi fokus kepada mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik sekolah rendah. KPM juga telah membangunkan Modul Bimbingan (MOBIM) bagi empat mata pelajaran tersebut dengan menggunakan pendekatan yang mudah dan bersesuaian dengan tahap keupayaan dan kebolehan murid. MOBIM Sains dan Matematik pula dibangunkan dengan memberi cadangan penyusunan semula kandungan kurikulum dan cadangan peruntukan masa

## **SOALAN NO : 18**

yang bersesuaian bagi membantu guru merancang strategi pengajaran dan pembelajaran.

MOBIM telah disebar luas ke semua sekolah mulai Mac 2023 bermula dengan Tahun Satu. MOBIM untuk Tahun Dua dan seterusnya akan diedarkan secara berperingkat sehingga selesai. MOBIM boleh diakses oleh semua pihak termasuk ibu bapa melalui pautan <https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/mobim/home>.

Pada masa kini, KPM sedang melaksanakan semakan semula kurikulum selepas kitaran kurikulum lengkap pusingannya. Semakan kurikulum ini dilaksanakan dengan mengambil kira semua input dan pandangan dari pelbagai pihak yang berkepentingan. KPM juga telah mengadakan Tinjauan Pelaksanaan Kurikulum Persekutuan 2027 bagi mendapatkan input daripada semua lapisan masyarakat di Malaysia pada 25 Ogos hingga 15 September 2023. Semua dapatan daripada input dan cadangan tersebut akan diambil kira dalam penambahbaikan kurikulum akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN  
(BANGI)**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN (BANGI) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada terdapat perancangan untuk menambah baik Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) dan jika ada, butiran cadangan penambahbaikan serta garis masa untuk membentangkan pindaan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telahpun memulakan urusan semakan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]. Perkara ini adalah selari dengan perancangan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 dan Pelan Strategik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2021-2025.
2. Salah satu langkah utama dalam hal ini adalah penubuhan Pasukan Projek Khas (*Special Project Team*) Semakan Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang terdiri daripada pegawai-pegawai mewakili pelbagai agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik dan wakil Persatuan-Persatuan OKU.
3. Di antara cadangan pindaan yang diteliti dan dipersetujui Pasukan Projek Khas tersebut termasuklah pengukuhan fungsi Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU), isu-isu berkaitan permohonan dan pendaftaran OKU dan kesesuaian pemanjangan Akta 685 kepada Kerajaan Negeri serta Kerajaan Tempatan.
4. KPWKM turut melaksanakan siri konsultasi bersama pemegang-pemegang taruh yang lain, termasuklah pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), dari semasa ke semasa, dalam usaha untuk mendengar cadangan yang lebih menyeluruh demi mendapatkan seberapa banyak input yang terbaik dalam proses semakan semula Akta tersebut.
5. Rang Undang-Undang untuk pindaan Akta 685 ini disasar untuk dibentangkan di Parlimen pada tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan harga lantai bagi memastikan bahawa pemandu-pemandu *ehailing* terus dapat mencari rezeki yang berpatutan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan harga lantai tambang e-hailing adalah kompleks dan perlu diimbangi antara pemandu dan pengguna. Sekiranya harga lantai ditetapkan, harga tambang kepada pengguna juga mungkin meningkat.
2. Pemboleh ubah seperti kesesakan trafik, cuaca, jarak, masa, jumlah permintaan dan jumlah penawaran menentukan padanan tempahan dengan penawaran secara langsung. Justeru itu, harga tambang juga fleksibel mengikut padanan faktor semasa.
3. Pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah mengadakan perbincangan dengan pemain utama industri e-hailing pada 19 April 2023 dan maklumbalas diterima adalah:
  - i. Syarikat memberi galakan kepada rakan pemandu untuk beroperasi di kawasan tumpuan melalui insentif yang ditawarkan oleh syarikat masing-masing bagi memenuhi permintaan semasa; dan
  - ii. Sebagai contoh salah satu syarikat penyedia perkhidmatan e-hailing membuat penawaran insentif secara seminggu lebih awal kepada pemandu melalui notifikasi aplikasi pemandu. Tawaran insentif yang diumumkan boleh membantu rakan pemandu merancang waktu operasi yang sesuai dan jumlah pendapatan yang disasarkan.
4. Sebagai kesimpulan, Kementerian masih belum berhasrat untuk mengawalselia tambang e-hailing buat masa kini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan bilik darjah dan sekolah usang bagi Sekolah Rendah dan Menengah di Parlimen Bukit Gantang. Apakah bentuk bantuan yang diberikan dan berapa banyaknya peruntukan yang telah diluluskan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 32 buah sekolah KPM (menengah dan rendah) di Parlimen Bukit Gantang. Daripada jumlah tersebut, hanya 3 buah sekolah yang menjalankan persekolahan dua sesi iaitu SK Taman Palma, SMK Simpang dan SMK Tengku Menteri. Berdasarkan semakan data KPM, enrolmen murid di kesemua sekolah tersebut masih belum melepas kapasiti optimum sekolah.

Sehubungan dengan itu, buat masa ini, KPM berpandangan bahawa sekolah-sekolah sedia ada di Parlimen Bukit Gantang masih berupaya untuk menampung keperluan dan pertambahan enrolmen murid. Walau bagaimanapun, KPM sentiasa meneliti keperluan kemudahan infrastruktur pendidikan dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan keperluan dalam kalangan masyarakat setempat.

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, bagi tahun 2023, KPM telah menyalurkan peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih di 11 buah sekolah (rendah dan menengah) di Parlimen Bukit Gantang. Kos yang diperuntukkan bagi kerja-kerja penyelenggaraan ini adalah sejumlah RM 1.97 juta.

KPM berharap, melalui langkah yang sedang dan akan dilaksanakan ini, kemudahan infrastruktur di sekolah-sekolah KPM dalam Parlimen Bukit Gantang akan berada dalam keadaan baik dan kondusif dan murid dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam keadaan selamat dan selesa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO  
[ DAMANSARA ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN GOBIND SINGH DEO [ DAMANSARA ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan pindaan kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan apakah pindaan dan status pindaan yang dicadangkan serta bila pindaan tersebut akan dibentangkan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Sebagaimana semua pihak sedia maklum, seksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) [Security Offences (Special Measures) Act, SOSMA] 2012 baru sahaja dilanjutkan pada tahun 2022.

Dalam pada itu, YB Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi) telah menyelaraskan beberapa sesi libat urus berhubung penambahbaikan SOSMA 2012, dan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Penjara Malaysia (PRIDE) telah terlibat secara aktif dalam sesi libat urus tersebut.

YB Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi) juga telah mengemukakan beberapa syor pindaan kepada KDN. Buat masa ini, Kementerian sedang mempertimbangkan dan memperhalusi syor tersebut, agar aspek keselamatan, ketenteraman awam dan kemaslahatan majoriti rakyat Malaysia diberikan keutamaan sebelum sebarang pindaan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI  
ABDULLAH [LANGKAWI]**  
**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI ABDULLAH [ LANGKAWI ]**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan pengeluaran khas KWSP yang telah diluluskan dan berapakah jumlah permohonan yang gagal sejak pengeluaran khas KWSP berbentuk pinjaman diluluskan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Inisiatif Program Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) adalah bertujuan untuk membantu ahli KWSP yang memerlukan bantuan kewangan mendapatkan pembiayaan peribadi daripada institusi perbankan. FSA2 bukanlah satu pengeluaran khas baharu. Sebaliknya, FSA2 merupakan kemudahan yang diperkenalkan oleh KWSP untuk ahli mendapatkan pembiayaan peribadi dengan kadar yang berpatutan menggunakan kemudahan pengeluaran umur 50 tahun atau 55 tahun.

Permohonan awal ini membolehkan ahli mengambil kira simpanan yang ada dalam Akaun 2 untuk mendapatkan pembiayaan peribadi daripada institusi perbankan di mana bayaran pengeluaran hanya akan dibuat kepada pihak institusi perbankan apabila ahli telah mencapai umur 50 tahun hingga 55 tahun tertakluk kepada pilihan umur pengeluaran ahli.

Melalui FSA2, ahli masih perlu membayar ansuran bulanan sepetimana yang ditetapkan oleh institusi perbankan. Ahli yang layak boleh memohon dan memperoleh pembiayaan peribadi minimum RM3,000 sehingga amaun maksimum RM50,000 bergantung kepada baki semasa Akaun 2 ahli, bagi membantu mereka memenuhi keperluan kewangan yang bersesuaian dengan kemampuan kredit dan aliran tunai mereka berdasarkan penilaian kredit yang dibuat oleh pihak bank ke atas pemohon.

Setakat 5 Oktober 2023, sejumlah 223,018 permohonan telah diterima oleh MBSB dan BSN sejak permohonan mula dibuka pada 7 April 2023. Daripada jumlah tersebut, **64,965 (29%)** permohonan telah diluluskan dengan jumlah keseluruhan pembiayaan adalah sebanyak **RM1.3billion.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM  
[ ARAU ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ ARAU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendekatan, tindakan tegas dan segera yang diwujudkan oleh Kementerian dalam menangani isu buli di sekolah memandangkan gejala buli masih subur dalam kehidupan pelajar di sekolah, terutama berasrama dan Kerajaan tidak boleh lagi berpeluk tubuh atau membiarkan gejala buli di sekolah 'selesai dengan sendiri' tanpa sebarang tindakan awal atau pencegahan bagi mengelak ia terus berlaku dan berulang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius isu buli yang melibatkan murid sekolah bawah KPM. Antara langkah-langkah yang diambil bagi memastikan gejala ini ditangani adalah seperti yang berikut:

- i. menerusi teras dua Nadi Keunggulan KPM, KPM memberi penekanan kepada aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti bagi melahirkan anak yang baik lagi cerdik dengan mewujudkan suasana harmoni yang menghindari gejala negatif seperti gangguan seksual, buli, ekstremisme, gengsterisme dan vandalisme;
- ii. KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 4 Tahun 2002 : Pelaksanaan Program Sekolah Selamat. Program Sekolah Selamat dilaksanakan semua sekolah di seluruh negara. Program ini bertujuan mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat agar warga sekolah dapat menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta kegiatan kokurikulum tanpa gangguan daripada mana-mana pihak, termasuk perbuatan gengsterisme, dadah dan buli dalam kalangan murid;
- iii. memantau dan mengambil langkah proaktif untuk menangani gejala sosial dalam kalangan murid sekolah oleh semua pengetua dan guru besar. KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 6 Tahun 2000: Menangani Masalah Keselamatan, Dadah dan Gengster. Antara tindakan yang perlu diambil oleh pihak sekolah adalah mengadakan peti aduan di sekolah dan asrama, mengukuhkan Jawatankuasa Disiplin Sekolah dan Asrama serta mengambil tindakan dan menghukum murid yang melakukan perbuatan buli di sekolah atau asrama. Jawatankuasa anti buli telah diwujudkan di setiap JPN melalui Jawatankuasa Menangani Gejala Disiplin Negeri;

## SOALAN NO : 26

- iv. KPM telah menambah bilangan warden sebanyak 63 peratus bermula 1 Ogos 2022 dengan julat sekurang-kurang tiga orang warden ditempatkan di sebuah asrama. KPM juga mengadakan bengkel *upskiling* kepada ketua warden dan warden dari semasa ke semasa bersesuaian dengan tugas warden seperti yang digariskan dalam Garis Panduan Tadbir Urus Sekolah (MySG);
- v. mengeratkan hubungan antara guru dan murid melalui pelaksanaan Amalan Guru Penyayang di sekolah. Melalui Surat Siaran KPPM Bilangan 4 Tahun 2012: Pelaksanaan Amalan Baik Guru Penyayang adalah bertujuan untuk menerapkan budaya penyayang dalam kalangan warga sekolah, meningkatkan hubungan murid dan guru serta mengeratkan hubungan sesama murid. Usaha ini dapat mengurangkan risiko berlakunya gejala sosial di sekolah;
- vi. mengadakan kerjasama erat dengan pihak Polis Diraja Malaysia melalui Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS). Setiap sekolah menengah dan sekolah rendah mempunyai seorang PPS yang sentiasa mendampingi dan bekerjasama dengan pihak sekolah, termasuklah mengadakan program untuk mencegah buli;
- vii. menyediakan saluran pelaporan bagi membolehkan pihak sekolah melaporkan kes buli kepada KPM. Pada masa kini KPM telah menyediakan portal aduan buli yang membolehkan warga sekolah termasuk murid dan ibu bapa serta orang awam membuat aduan terus kepada pihak Kementerian dan maklumat yang diterima akan dilindungi. Terdapat empat saluran utama Portal Aduan Buli iaitu melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) KPM, e-mel, talian telefon dan aplikasi *WhatsApp*;
- viii. menyediakan khidmat kaunseling kepada murid-murid yang didapati cenderung untuk melakukan perbuatan salah laku terhadap murid lain; dan
- ix. terkini, KPM melancarkan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli Di Institusi Pendidikan. Garis panduan ini menjadi rujukan kepada semua pihak berkepentingan di institusi pendidikan dalam

## **SOALAN NO : 26**

menjelaskan kefahaman tentang salah laku buli dan implikasinya serta peranan masing-masing dalam pengurusan salah laku buli terutamanya terhadap pembuli dan mangsa buli.

KPM sentiasa komited untuk meningkatkan lagi kesedaran murid bagi mencegah gejala buli di sekolah. KPM juga amat menghargai peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat yang sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah bagi menangani gejala buli dalam kalangan murid di sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah faktor dan punca-punca menjadi kelewatan serta penghalang yang terpaksa dihadapi oleh pihak Kementerian untuk menangani isu sekolah daif di Sarawak sepetimana dilaporkan di media arus perdana. Nyatakan juga tindakan proaktif Kementerian untuk memastikan usaha menaik taraf sekolah daif di Sarawak tidak lagi tergendala.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang selamat dan kondusif bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah di Sarawak, terdapat cabaran yang dihadapi oleh pihak KPM di setiap fasa pembangunan. Keadaan ini telah menyebabkan kelewatan sama ada semasa memulakan projek hingga kepada penyiapan projek. Antara cabaran yang dihadapi semasa peringkat prabina adalah seperti status pemilikan tapak. Selain itu, terdapatnya keperluan kerja tanah yang komprehensif memandangkan keadaan muka bumi yang bercerun atau tapak pembinaan berada di kawasan rendah. Terdapat juga pembangunan yang perlu disediakan jalan masuk ke tapak dan keadaan menjadi sukar apabila perlu melalui laluan seperti jambatan yang tidak dapat menampung beban jentera pembangunan. Keadaan ini juga menyebabkan berlakunya kenaikan kos kepada projek.

Proses reka bentuk juga mengambil masa memandangkan keperluan untuk disesuaikan dengan keadaan muka bumi setempat dan tapak yang sempit. Ini menyebabkan *Pre-Approved Plan* atau pelan piawai perlu dimodifikasi bagi setiap projek. Bagi projek yang melibatkan perobohan dan pembinaan semula, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak bersama pejabat pendidikan daerah perlu mengatur strategi bagi melaksanakan penyuraian murid. Dalam hal ini beberapa pertimbangan perlu dinilai melibatkan bilangan murid, jumlah ruang yang boleh diguna pakai untuk pengajaran dan pembelajaran, keperluan untuk menaik taraf bilik darjah sementara serta jarak sekolah lain yang berhampiran.

Manakala semasa peringkat pembinaan, cabaran kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak adalah untuk memastikan kontraktor mengekalkan prestasi kerja di tapak. Ini memandangkan jumlah kontraktor berwibawa di Sarawak adalah sedikit berbanding jumlah kerja yang

dipelawa.

Bagi memastikan usaha pembangunan semula bangunan daif di sekolah di Sarawak tidak terganggu, KPM telah mengadakan sesi libat urus bersama agensi yang terlibat. Usaha KPM terutamanya bersama Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Perkembangan Bakat Sarawak serta Jabatan Tanah dan Survey Sarawak telah menyelesaikan isu pelaksanaan projek melibatkan tanah serta kelulusan pelan pembangunan.

Dalam memastikan projek berjalan mengikut jadual, Pihak JKR Sarawak secara berkala melaksanakan pemantauan terhadap prestasi kemajuan projek. Selain daripada itu, pihak Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak juga turut melaksanakan program intervensi bagi projek yang mempunyai isu pelaksanaan, lewat jadual dan sakit. Pegawai penguasa projek juga akan memastikan tindakan kontraktual dikuatkuasakan sekiranya kontraktor gagal dalam melaksanakan kontrak dan tindakan melantik kontraktor penyiap akan disegerakan bagi memastikan projek dapat disiapkan serta memberi manfaat kepada murid-murid.

Sekian, terima kasih.

RJM99

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. SITI MASTURA BINTI  
MUHAMMAD (KEPALA BATAS )**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD (KEPALA BATAS) minta  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT menyatakan:**

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menubuhkan Jabatan Warga Emas untuk membantu warga emas dalam aspek pendidikan, kesihatan, perniagaan dan lain-lain; dan
- (b) apakah inisiatif terkini yang disediakan untuk warga emas dalam aspek pendidikan, kesihatan, perniagaan dan lain-lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Transformasi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tahun 2011-2015 telah melaksanakan penstrukturran semula termasuk penubuhan Bahagian Warga Emas bagi memperkasa penyampaian perkhidmatan Warga Emas di Malaysia secara berterusan.
2. Penubuhan Bahagian Warga Emas antaranya adalah untuk menjalankan fungsi-fungsi seperti berikut:
  - i. Memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas di institusi kebajikan;
  - ii. Menyediakan penjagaan, perlindungan dan latihan kemahiran;
  - iii. Mengukuhkan kerjasama serta perkongsian tanggungjawab antara agensi kerajaan dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK); dan
  - iv. Mengutamakan kesaksamaan peluang untuk mengakses pelbagai sumber selaras dengan prinsip yang ditekankan di dalam Dasar Warga Emas Negara.
3. Bahagian ini memberi fokus kepada Perkhidmatan Institusi, Pemerkasaan Warga Emas, Sokongan Sosial Warga Emas serta bertindak sebagai Sekretariat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN).
4. Di pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), peranan yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta MPPWEN adalah memadai buat masa ini.

Sungguhpun begitu, kesesuaian dan keperluan untuk mewujudkan sebuah Jabatan khusus untuk hal ehwal Warga Emas akan terus dipantau serta diteliti dari semasa ke semasa.

5. Sementara itu, tugas dalam memastikan kesejahteraan warga emas di negara ini bukanlah terletak di bahu KPWKM semata-mata, tetapi usaha ini dilakukan kerajaan menerusi pendekatan menyeluruh atau *whole of government approach* seperti yang dirancang melalui Pelan Tindakan Warga Emas Negara. Antara inisiatif kerajaan terbaharu dalam memastikan kesejahteraan warga emas di negara ini melalui pelbagai agensi termasuklah:

- i. Pembangunan Rangka Tindakan Penuaan Kebangsaan oleh Kementerian Ekonomi bertujuan untuk merangka strategi terbaik sebagai persiapan negara menangani impak negara menua;
- ii. Promosi dan perluasan tawaran Portal Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Nasional oleh Kementerian Pengajian Tinggi serta menawarkan insentif kepada warga emas yang layak untuk terlibat dalam PSH; dan
- iii. Pindaan Akta Kerja 1955 (Akta 265) oleh dibawa oleh Kementerian Sumber Manusia antaranya mengadakan peruntukan baharu yang melarang diskriminasi dalam pekerjaan serta sistem aturan kerja fleksibel.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM**  
**[PASIR GUDANG]**  
**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang dalam Belanjawan Negara tahun 2024 untuk memperkenalkan semula cukai GST (*Goods and Services Tax*) untuk meningkatkan hasil pendapatan negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk mengembalikan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Sebarang perubahan polisi berkaitan cukai akan mengambil kira kesan terhadap ekonomi dan kos sara hidup rakyat. Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan ekonomi semasa dan mempertimbangkan langkah-langkah fiskal yang bersesuaian dengan keperluan jangka pendek dan sederhana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM  
[PENDANG]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM (PENDANG)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah usahawan Bumiputera yang dikenakan status bankrup dan apakah strategi digunakan bagi mengurangkan kadar bankrups dalam kalangan usahawan Bumiputera yang baharu serta meningkatkan kemampunan golongan terbabit.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi), bilangan kes kebankrapan melibatkan usahawan Bumiputera disebabkan oleh perniagaan bagi tahun 2019 hingga bulan September 2023 ialah sebanyak 1,787 kes.
2. Dalam usaha mengurangkan kadar bankrups serta meningkatkan kemampunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) termasuk usahawan Bumiputera yang baharu, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah melaksanakan program dan inisiatif seperti berikut:

## SOALAN NO : 30

- (i) SME Corp. dan Bank Rakyat berkolaborasi dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sebagai usaha untuk membantu usahawan dalam menyediakan khidmat nasihat pengurusan kewangan dan kredit;
  - (ii) Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) melaksanakan Kursus Asas Keusahawanan (KAK) dan Kursus Urus Tunai bertujuan memberi kefahaman dan pendedahan bagi mengelakkan usahawan dari menghadapi masalah kewangan dalam perniagaan;
  - (iii) SME Bank melalui *Centre for Entrepreneur Development and Research* (CEDAR) memberi khidmat nasihat perniagaan dan menyediakan latihan keusahawanan bagi mempertingkatkan kemahiran dalam menguruskan perniagaan termasuk pengurusan kewangan; dan
  - (iv) TEKUN Nasional telah mewajibkan kehadiran penerima pembiayaan untuk menghadiri Seminar Asas Keusahawanan (SAK) bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman usahawan mengenai pengurusan kewangan perniagaan.
3. Selain itu, agensi-agensi KUSKOP seperti SME Bank, TEKUN Nasional, Pernas dan Bank Rakyat juga menyediakan bantuan bagi membantu para usahawan yang terkesan melalui penjadualan dan penstrukturran semula pinjaman dengan melanjutkan tempoh pembiayaan pada kadar bayaran balik yang rendah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN HONG PIN [ BAKRI ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN TAN HONG PIN [ BAKRI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan terhadap kes kereta Siti Kasim yang dipasang bom, bilangan suspek yang disoal-siasat, orang ditangkap atau dituduh di mahkamah. Oleh itu, apakah usaha Kerajaan untuk mengelakkan perkara sebegini daripada berlaku serta memberi perlindungan dan pengiktirafan kepada pembela hak asasi manusia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian komited dalam menentukan keselamatan negara dan keharmonian negara sentiasa terpelihara. Pihak Polis tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk ancaman dan perbuatan yang cuba dilakukan oleh pihak tertentu yang boleh mengganggu gugat ketenteraman dan keharmonian rakyat. Sepanjang tempoh tahun 2019 sehingga Oktober 2023 pihak PDRM telah menjalankan siasatan sebanyak 17 kes diseluruh negara melibatkan ugutan melibatkan bahan letusan ke atas individu atau organisasi. Pecahan kes masih dalam siasatan sebanyak 8 kes, 2 kes telah dituduh (masih dalam perbicaraan), Jatuh Hukum sebanyak 2 kes, NFA (*No Further Action*) sebanyak 4 kes dan satu kes telah di KUS (Kemas Untuk Simpan).

Berhubung dengan kes melibatkan individu penama Siti Kasim, pihak Polis telah membuka kertas siasatan berkait Pantai Repot 8502/2023 di bawah Seksyen 7 Akta Bahan Letusan 1957. Kertas Siasatan tersebut telah dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya dan siasatan masih diteruskan dan usaha untuk mengesan suspek serta motif masih dalam tindakan pihak polis.

Perkara 8 fasal (1). Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa semua individu adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Sehubungan itu, ditegaskan bahawa setiap warganegara Malaysia tanpa mengira status atau kerjaya akan dilindungi oleh peruntukan undang-undang serta Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**  
**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan bersetuju kepada permintaan penanam-penanam pokok kayu balak agar kerugian yang ditanggung oleh mereka boleh diambil kira untuk perakaunan tahun-tahun depan tanpa batasan masa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerugian larasan perniagaan yang terbit dalam tahun semasa boleh ditolak daripada pendapatan agregat untuk tahun taksiran tersebut dalam menentukan jumlah pendapatannya. Sekiranya kerugian larasan perniagaan tidak dapat diserap atau tidak dapat diserap sepenuhnya dalam menentukan jumlah pendapatan bagi suatu tahun taksiran, kerugian tersebut akan dihantar ke hadapan untuk dipotong daripada agregat pendapatan berkanun daripada setiap punca yang terdiri daripada perniagaan dalam tahun-tahun taksiran berikutnya.

Sebelum tahun taksiran 2019, baki kerugian larasan perniagaan yang masih belum diserap dibenarkan dibawa ke hadapan tanpa sebarang sekatan masa. Walau bagaimanapun, berkuat kuasa tahun taksiran 2019, peruntukan baharu di bawah subseksyen 44(5F) Akta Cukai Pendapatan 1967 telah diperkenalkan melalui Akta Kewangan 2018, untuk mengehadkan kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap dibawa ke hadapan bagi tempoh maksimum tujuh (7) tahun

taksiran berturut-turut sebaik selepas tahun taksiran kerugian berlaku, manakala bakinya jika ada hendaklah diabaikan. Sekatan masa untuk menuntut kerugian perniagaan ini adalah bagi mengekang aktiviti perancangan cukai atau *tax planning*, dengan izin dan mengurangkan kehilangan hasil secara berterusan memandangkan pelbagai insentif cukai telah disediakan kepada perniagaan dalam bentuk potongan cukai dan pengecualian cukai pendapatan.

Namun, Kerajaan sentiasa mendengar pandangan dan maklum balas pihak berkepentingan berkaitan isu layanan cukai ke atas kerugian terkumpul yang tidak dapat diserap khususnya oleh sektor yang mempunyai tempoh *long gestation* seperti perladangan sawit, getah dan ladang hutan. Justeru melalui pembentangan Bajet 2022, Kerajaan mengumumkan bahawa sekatan masa bagi kerugian larasan dibawa ke hadapan yang tidak dapat diserap dilanjutkan daripada tujuh (7) tahun kepada sepuluh (10) tahun. Langkah ini juga adalah bagi menyokong usaha pemulihan perniagaan yang terjejas semasa pandemik Covid-19 dan menyokong proses pemulihan pasca pandemik.

Sekatan masa bagi penyerapan kerugian larasan ini merupakan amalan di peringkat antarabangsa termasuk di negara-negara ASEAN, kecuali Singapura. Terdapat negara yang melaksanakan dasar sekatan masa yang lebih singkat daripada Malaysia, contohnya Indonesia mengenakan sekatan masa 5 tahun sahaja, namun terdapat sektor dan wilayah tertentu diberi insentif untuk memajukan komoditi terpilih dengan menaikkan tempoh sekatan masa penyerapan kerugian larasan daripada lima (5) tahun kepada sepuluh (10) tahun.

Selain itu, terdapat sesetengah negara yang mengetatkan layanan sekatan masa dengan mengenakan elauan modal dan tidak membenarkan elauan modal yang tidak diserap dibawa ke hadapan. Diperhatikan juga, sebahagian besar negara maju dan OECD melaksanakan dasar sekatan masa ini melalui dua (2) kaedah utama iaitu sekatan masa yang secara puratanya adalah bagi tempoh 10 tahun atau melalui sekatan amaun kerugian yang boleh dibawa ke hadapan. Sebagai contoh, United Kingdom mengenakan sekatan ke atas amaun kerugian tidak dituntut boleh dibawa ke hadapan pada kadar 50 peratus sahaja. Manakala,

Jepun mengenakan sekatan masa bagi tempoh sepuluh (10) tahun dan terhad kepada amaun kerugian 50 peratus yang dibenarkan dibawa ke hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan terus mendengar kesukaran yang dihadapi oleh syarikat dan sentiasa mengambil langkah proaktif membantu perniagaan. Untuk itu, beberapa siri perbincangan yang turut melibatkan persatuan yang mewakili penanam-penanam kayu balak, pengamal percukaian, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta Kementerian Kewangan telah diadakan.

Hasil perbincangan tersebut, YAB Menteri Kewangan melalui ucapan Belanjawan 2023 telah mengumumkan bahawa Kerajaan bersetuju mempertimbangkan lanjutan tempoh penyerapan kerugian larasan dibawa ke hadapan melebihi 10 tahun kepada sektor-sektor terkesan yang mempunyai *long gestation* yang lebih panjang. Syarikat yang terkesan boleh memohon lanjutan tempoh khas kepada Kementerian Kewangan dan pertimbangan akan diberikan secara kes demi kes berdasarkan justifikasi dan merit yang dikemukakan.

Dengan adanya pertimbangan lanjutan tempoh khas ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap dibawa ke hadapan tanpa sekatan masa semula.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI  
BINTI SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan justifikasi Kerajaan dalam penamatan kontrak Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) yang dikendalikan oleh IRIS Corporation baru-baru ini, serta mohon nyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh pihak Kerajaan bagi membangunkan sistem ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Projek Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) dibangunkan bagi tujuan untuk menggantikan sistem sedia ada di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) iaitu Sistem myIMMs yang telah beroperasi lebih dari 20 tahun. Projek ini telah dianugerahkan kepada Syarikat IRIS Information Technology Systems Sdn. Bhd. (IITS) iaitu anak syarikat kepada Syarikat IRIS Corporation Berhad berkuat kuasa pada 1 Mac 2021 sehingga 31 Ogos 2025.

Kerajaan telah **menamatkan perjanjian** dengan pihak IITS melalui notis bertarikh 10 Ogos 2023 berkuat kuasa pada 14 Ogos 2023 kerana **syarikat gagal melaksanakan obligasinya** dalam tempoh yang ditetapkan berdasarkan Perjanjian yang telah dipersetujui. Sejak projek ini dilaksanakan mulai 1 Mac 2021, pretasi projek ini tidak pernah menepati jadual perancangan yang telah ditetapkan. Penamatan ini dilaksanakan kerana kemajuan kerja fizikal projek telah lewat selama 4 bulan, syarikat gagal dalam menyediakan persekitaran pembangunan untuk memulakan pembangunan sistem dan gagal menyempurnakan serahan-serahan dalam tempoh remedи yang ditetapkan. Sejumlah **RM106.93 Juta** telah digunakan untuk pembayaran penyediaan keperluan pengguna yang berjaya dimuktamadkan dan disempurnakan sebelum penamatan.

Kerajaan sedang melaksanakan perolehan secara **tender terbuka pra-kelayakan** bagi mengenal pasti kontraktor yang berkeupayaan tinggi bagi melaksanakan Projek NIISe yang tergendala serta mampu memberi pulangan **value for money** kepada Kerajaan. Pelantikan **kontraktor baharu** ini dijangka akan dapat dilantik selepas proses perolehan secara tender terbuka pra-kelayakan selesai dan Projek NIISe ini akan dapat dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di 264 lokasi di seluruh negara termasuk 27 Atase Imigresen di seluruh dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHOW YU HUI [ RAUB ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tarikh berkuatkuasa IPCC, dan tarikh mula menerima aduan daripada orang awam memandangkan EAIC tidak lagi menerima aduan salah laku pegawai polis sejak Julai 2023. Nyatakan alasan kelewatan ataukekangan yang dihadapi serta garis masa pelaksanaannya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [Akta 839] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2023. Pasukan *pro tem* telah ditubuhkan pada 27 Jun 2023 bagi menyelaras penubuhan dan pelantikan ahli Suruhanjaya Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (*Independent Police Conduct Commission – IPCC*) serta menguruskan aduan-aduan yang ditujukan kepada IPCC mulai tarikh tersebut.

Walau bagaimanapun, Seksyen 23 Akta 839 menyatakan Suruhanjaya hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Aduan. Setelah menerima aduan yang mengandungi butiran lengkap, Jawatankuasa tersebut akan meneliti setiap aduan dan membuat pengelasan aduan sama ada dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pihak berkuasa berkaitan, pegawai Suruhanjaya IPCC atau Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang bertanggungjawab. Buat masa ini, pelantikan anggota IPCC dan Jawatankuasa terlibat masih dalam tindakan Kementerian Dalam Negeri.

Antara kekangan pengoperasian IPCC berkisar kepada penyelarasan fungsi di antara SIAP dan Ombudsman Malaysia. Bagi memastikan kelancaran pengoperasian IPCC, Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan 36 perjawatan baharu pelbagai gred/jawatan yang mana IPCC diketuai oleh seorang Setiausaha dan disokong oleh Bahagian Operasi; Bahagian Perundungan; Bahagian Dasar dan Keurusetiaan; dan Bahagian Khidmat Pengurusan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pada masa ini, proses pengisian perjawatan IPCC melalui peminjaman pegawai/kakitangan sedia ada dan pengambilan pegawai/kakitangan baharu IPCC sedang dilaksanakan. Dalam masa sama, Kementerian pada 14 April 2023 telah bersetuju menubuhkan *search committee* yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Dalam Negeri

## **SOALAN NO : 35**

(KDN) dan dianggotai oleh enam (6) ahli lain yang terdiri daripada wakil KDN, wakil Jabatan Peguam Negara (AGC), wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mencadangkan calon Pengurus, Timbalan Pengurus dan Ahli Suruhanjaya IPCC supaya pemilihan Suruhanjaya lebih berstruktur serta telus dan fungsi IPCC dapat beroperasi mulai 1 Julai 2023 seperti dinyatakan dalam warta P.U.(B) 574.

Pelantikan anggota Suruhanjaya IPCC kini berada dalam perhatian dan tindakan Kementerian Dalam Negeri. Seksyen 6 (1) Akta 839 menyatakan anggota Suruhanjaya akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat YAB Perdana Menteri.

Dijangka selewat-lewatnya IPCC akan berfungsi sepenuhnya pada awal tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN  
[ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN KALAM BIN SALAN [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendekatan Kementerian untuk meningkatkan kadar kemasukan Murid Berkeperluan Khas (MBK) dengan menambah bilangan sekolah yang menawarkan pendidikan khas dan dilengkapi dengan kemudahan asas yang mesra OKU.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) selaras dengan pertambahan bilangan MBPK pada setiap tahun sebanyak 5 hingga 9 peratus.

Bagi menambah kemasukan bilangan MBPK, KPM mempergiatkan lagi peluasan Program Pendidikan Inklusif (PPI). Sehingga 31 Julai 2023, KPM telah mencatat penyertaan sebanyak 84.05 peratus iaitu 94,768 orang daripada jumlah keseluruhan MBPK seramai 112,746 orang.

Selain itu, KPM juga melaksanakan Program Saringan Penentuan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (PROSPER) di semua negeri mulai Julai hingga Oktober 2023. Program ini melibatkan kerjasama di antara pegawai bidang khusus bawah Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK), jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pasukan pelbagai disiplin daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri, Pusat Kesihatan Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bank Simpanan Nasional dan agensi swasta. Sehingga 30 September 2023, sebanyak 69 program telah dilaksanakan di mana seramai 3,546 orang murid yang berada di Program Pemulihan Khas telah disaring.

Bagi menyediakan pembelajaran yang kondusif kepada MBPK, KPM melaksanakan peluasan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Sehingga 31 Julai 2023, terdapat sebanyak 6,467 sekolah melaksanakan Program Pendidikan Khas yang terdiri daripada 35 buah sekolah pendidikan khas, 2,659 buah PPKI dan 3,773 buah PPI. Bagi tahun 2024, KPM telah mengemukakan 186 buah cadangan peluasan PPKI baharu dan tambahan kelas sebanyak 1,383 buah di PPKI sedia ada di seluruh Malaysia.

KPM juga sentiasa peka dan prihatin tentang keperluan kemudahan infrastruktur bagi MBPK dengan memberi fokus khusus terhadap penyediaan kemudahan mesra OKU di sekolah-sekolah bawah KPM.

## **SOALAN NO : 36**

Berdasarkan data Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS) pada 27 September 2023, daripada 6,467 sekolah yang melaksanakan program pendidikan khas, 1,312 sekolah lengkap dengan empat (4) kemudahan mesra OKU iaitu susur tangan, susur landai, tandas mesra OKU dan tempat letak kenderaan OKU. Sebanyak 533 sekolah dilengkapi dengan tiga (3) kemudahan, 159 sekolah mempunyai dua (2) kemudahan, 1,411 sekolah mempunyai satu (1) kemudahan dan 2,448 sekolah belum mempunyai kemudahan mesra OKU.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2023 sebanyak 298 sekolah yang melaksanakan program pendidikan khas telah menerima peruntukan bagi tujuan melengkapkan sekolah dengan kemudahan mesra OKU dan dijangka selesai pada bulan November 2023. Usaha berterusan dilaksanakan oleh KPM bagi menyediakan kemudahan mesra OKU dengan memohon peruntukan menerusi Belanjawan pada setiap tahun.

KPM juga turut memastikan semua projek pembangunan pendidikan yang dimohon melalui Rancangan Malaysia sama ada untuk sekolah baharu, gantian atau bangunan tambahan turut mempunyai skop penyediaan kemudahan mesra OKU.

Sekian, terima kasih.

**RJM100**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LEE CHUAN HOW [ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Lee Chuan How [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan gambaran keseluruhan penilaian tentang ekstremisme politik yang berlaku di Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, tafsiran ekstremis merupakan orang yang sikapnya dalam sesuatu hal melampaui batas kesederhanaan. Manakala ekstremisme adalah fahaman termasuklah sikap, pendirian dan perlakuan yang ekstrem. Selain ketaksuban dalam agama, harus diakui bahawa wujud ekstremis politik dan sosial di negara ini.

Dalam konteks Malaysia, ekstremisme politik sering dikesan berlaku semasa musim kempen pilihan raya. Tindakan menyerang peribadi seseorang calon lawan, fitnah, penipuan, pembongkaran skandal tanpa asas dan lebih dahsyat isu-isu 3R (*race, religion & royalty*) sering dimainkan secara sembrono dalam kempen politik bagi menarik perhatian dan sokongan pengundi.

Dalam dunia tanpa sempadan hari ini, pelbagai idea radikal dan ekstrem boleh sampai dan menyusup masuk ke pemikiran individu yang memiliki akses luas kepada pelbagai jenis platform di alam maya. Penularan gejala ini sekiranya tidak dikawal boleh mendatangkan kegentaran dan kegusaran awam.

Sehubungan itu, semua pihak perlu menjauhi sifat ekstremisme, fanatik atau radikal dalam setiap perkara dalam kehidupan kerana pendekatan wasatiyah atau jalan pertengahan adalah sebaik-baik perkara.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Apa juá bentuk fahaman radikal atau ekstremisme merupakan suatu pegangan yang berlawanan dengan teras perpaduan rakyat Malaysia serta dasar Malaysia Madani. Pembinaan negara kita telah melalui beberapa tragedi yang boleh dikaitkan dengan kesan-kesan fahaman radikal atau ekstremisme ini. Ketaksuban terhadap sesuatu cara pemikiran ternyata mampu menggugat keamanan negara ini dan kita telah sama-sama melalui

## **SOALAN NO: 37**

pelbagai episod kesan dari fahaman yang terlalu ekstrem, termasuklah perkara-perkara yang sehingga menyentuh soal kaum, agama dan institusi beraja. Fahaman ekstreisme ini, sekiranya tidak dibendung, boleh membawa kepada fahaman pelampau keganasan. Justeru, selain pencegahan melalui undang-undang, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Mencegah Dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (*National Action Plan for Preventing and Countering Violent Extremism - NAPPCVE*).

NAPPCVE memfokuskan kepada isu ancaman fahaman pelampau secara holistik yang merangkumi faham pelampau politik, sosial, agama dan elemen luar dan menggabungkan pendekatan lembut dan keras (*soft and hard approach*) dalam membangunkan strategi dan inisiatif mencegah dan menangani fahaman pelampau keganasan. NAPPCVE ini juga mengambil kira situasi semasa, isu dan cabaran serta input dan maklum balas semua pemegang taruh utama dari pelbagai latar belakang agama, bangsa dan budaya.

NAPPCVE mampu mencapai kejayaan melalui komitmen dan penglibatan pelbagai pihak iaitu agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri, warga pendidik dari pelbagai peringkat pendidikan dan pertubuhan masyarakat civil (*civil society organisation – CSO*) yang mewakili segenap kategori dan lapisan masyarakat di Malaysia.

Oleh itu, adalah diharapkan kerangka NAPPCVE yang akan diumumkan kelak berupaya untuk bertindak sebagai rujukan dan panduan penting kepada seluruh pemegang taruh sama ada agensi kerajaan mahupun bukan kerajaan dalam menangani ancaman fahaman pelampau keganasan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G.**  
**KITINGAN [KENINGAU]**  
**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G. KITINGAN [ KENINGAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar tukaran wang Ringgit kini mencecah USD1.00 = RM4.70 dan SGD1.00 = RM3.44, apakah tindakan dan rancangan Kerajaan untuk menstabilkan kadar tukaran supaya tidak jatuh lagi dan apakah perancangan ekonomi negara untuk mengurangkan defisit Bajet dan hutang negara sambil melonjakkan ekonomi negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia (BNM) telah melaksanakan langkah jangka masa pendek bagi memastikan pelarasan ringgit berada dalam keadaan teratur. Bagi menangani volatiliti dalam pasaran pertukaran asing, BNM akan terus menguruskan risiko daripada perkembangan domestik dan luaran serta bersedia untuk menggunakan instrumen dasar operasinya bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur.

Risiko daripada pergerakan mendadak nilai pertukaran ringgit berbanding dolar AS juga dapat dikurangkan melalui penggunaan instrumen lindung nilai bagi menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik dan keupayaan untuk mengekalkan kestabilan harga menerusi kecairan pasaran dalam negara yang mencukupi. Faktor ini dijangka dapat memastikan keperluan perniagaan dipenuhi dengan berkesan, manakala kos dan keperluan mata wang asing diuruskan dengan cekap.

Kerajaan kekal komited dalam memberikan tumpuan terhadap pelaksanaan polisi-polisi struktural yang berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara bagi menarik aliran masuk dana dan pelaburan asing serta mempertingkatkan pelaburan langsung domestik (DDI) yang berkualiti. Langkah ini termasuk usaha bagi mentransformasi ekonomi negara yang dipandu oleh Kerangka Ekonomi MADANI menerusi dasar seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Selain faktor pemulihran kestabilan pasaran dunia, langkah-langkah tersebut beserta pelaksanaan Dasar Pelaburan Baharu (*New Investment Policy*, NIP) untuk menambah baik iklim pelaburan dan produktiviti negara serta komitmen Kerajaan terhadap pengukuhan kemampunan fiskal menerusi pembentangan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab

Fiskal (FRA) dijangka menambah baik sentimen pelabur seterusnya memperkuuh nilai ringgit.

Berkaitan dasar fiskal pula, ianya akan berasaskan kepada dasar fiskal yang responsif bagi terus menyokong momentum pertumbuhan dan dalam masa yang sama mengurangkan beban rakyat. Selain itu, Kerajaan juga akan terus memperkuuhkan kedudukan kewangan melalui langkah peningkatan hasil dan kecekapan perbelanjaan dalam menyediakan ruang fiskal yang mencukupi bagi menangani krisis pada masa hadapan. Sehubungan itu, Kerajaan komited melaksanakan langkah konsolidasi fiskal secara beransur-ansur seterusnya mengurangkan paras hutang dalam jangka masa sederhana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [ TENOM ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN RIDUAN BIN RUBIN [ TENOM ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian bagi memastikan kontingen atlet sukan dari negeri Sabah tidak terlepas peluang di dalam menyertai setiap acara sukan kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) bagi mengelakkan insiden kegagalan penyertaan pasukan bola sepak Majlis Sukan Sekolah Negeri (MSSN) Sabah tidak berulang lagi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha ke arah pembangunan kecemerlangan sukan negara dengan melahirkan atlet murid yang berpotensi tinggi melalui program pertandingan sukan seperti Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM). Setiap tahun, KPM menyalurkan yuran Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) kepada jabatan pendidikan negeri (JPN) dan jumlah peruntukan yang diturunkan adalah berdasarkan enrolmen murid yang berdaftar di JPN masing-masing. Penetapan kadar yuran MSSM ini adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2021 iaitu sebanyak RM2.00 seorang untuk sekolah rendah dan RM4.00 seorang bagi sekolah menengah.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan enrolmen murid di negeri Sabah, JPN Sabah adalah antara penerima peruntukan terbesar berbanding negeri-negeri lain. Walau bagaimanapun, KPM cakna terhadap insiden kegagalan penyertaan pasukan daripada negeri Sabah dalam Kejohanan MSSM Tahun 2023. KPM akan mengkaji semula struktur peruntukan bagi penganjuran kejohanan MSSM di peringkat zon, daerah, negeri dan kebangsaan serta penyertaan murid ke kejohanan tersebut secara komprehensif. Ini termasuk menilai semula kadar yuran MSSM di samping kaedah terbaik bagi tujuan agihan peruntukan yuran MSSM kepada semua negeri termasuk Sabah. Ini adalah bagi memastikan peluang yang sama rata diberikan kepada semua murid dan pembangunan sukan kekal relevan dengan peredaran semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN  
[ PADANG SERAI ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [ PADANG SERAI ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian Pendidikan Pentadbiran Kerajaan Perpaduan terhadap kuarters-kuarters pendidikan yang terbiar sejak sekian lama. Berapa jumlah kuarters yang ada ketika ini dan berapakah yang tidak digunakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana pendidikan termasuk kuarters guru yang selamat dan kondusif untuk diduduki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kuarters guru KPM adalah sebanyak 47,646 unit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 30,232 unit kuarters sedang diduduki dan 17,384 unit kuarters tidak diduduki.

KPM telah melantik perunding harta tanah bagi menjalankan kajian mengoptimumkan penggunaan kuarters guru tidak berpenghuni milik KPM di seluruh negara. Perunding yang dilantik telahpun mengemukakan laporan akhir kajian kepada KPM pada akhir September 2023. Antara dapatan kajian yang menyumbang kepada bilangan kuarters yang tidak berpenghuni adalah seperti berikut:

## **SOALAN NO : 42**

- i. keadaan fizikal kuarters yang tidak kondusif;
- ii. kos penyelenggaraan yang tinggi;
- iii. lokasi kuarters yang tidak strategik;
- iv. kos sewa rumah kediaman di sekitar kuarters lebih rendah; dan
- v. kawasan kuarters yang tidak selamat kerana menjadi sasaran pencuri dan vandalisme.

Dapatan kajian perunding telah dibentangkan kepada KPM pada 9 November 2023 dan syor mengoptimumkan penggunaan kuarters telah mendapat kelulusan untuk dilaksanakan secara berfasa. Antara syor mengoptimumkan kuarters yang akan dilaksanakan secara intensif pada tahun 2024 adalah penyelenggaraan kuarters daif di Sabah dan Sarawak dan juga syor roboh bagi kuarters yang tidak lagi selamat untuk diduduki dan tiada permohonan untuk menghuni kuarters.

Walau bagaimanapun, perancangan dan pelaksanaan kepada syor tersebut adalah bergantung kepada jumlah peruntukan yang akan diterima pada tahun hadapan dan perlu dilaksanakan mengikut kepentingan. Pada masa yang sama, KPM telah pun melaksanakan tukar fungsi kuarters dan memproses penyewaan kuarters kepada agensi yang memohon kuarters KPM secara *case by case*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan polis dan tindakan undang-undang terhadap kumpulan-kumpulan pemfitnah yang menyebarkan :-  
(a) dakwaan kononnya lebih 200 buah sekolah tahfiz di negeri Selangor telah diarahkan tutup; dan  
(b) dakwaan 54,000 warga China dalam proses diberikan kerakyatan Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Siasatan melibatkan dakwaan lebih 200 sekolah tahfiz diarahkan tutup telah dibuka di bawah seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 / 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Kertas siasatan tersebut juga telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara, namun kes telah diklasifikasikan sebagai NFA kerana elemen hasutan di bawah Akta 15 tidak dapat dipenuhi.

Manakala dakwaan seramai 54,000 orang warga China dalam proses diberi kerakyatan Malaysia telah disiasat di bawah seksyen 500 Kanun Keseksaan / 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Kertas siasatan ini telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara selari dengan peruntukan Perkara 145 (3) Perlembagaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA  
[ POKOK SENA ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan terhadap himpunan yang turut disertai golongan LGBT di ibu kota beberapa bulan lalu yang juga dipercayai terlibat dalam kumpulan ajaran Ahmadi The Religion of Peace and Light.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Bagi tempoh 2019 sehingga Oktober 2023 sebanyak tiga (3) kertas siasatan telah dibuka iaitu satu (1) bagi tahun 2019 dan dua (2) bagi tahun 2023 melibatkan kes yang seumpama himpunan LGBT di Malaysia. Satu (1) kertas siasatan telah di NFA 18/3/2019 dan dua (2) lagi kertas siasatan masih dalam kajian pihak Jabatan Peguam Negara.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan, Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 dan Seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 ke atas lapan (8) lelaki yang berhimpun di hadapan Kompleks Sogo, Kuala Lumpur pada 27hb Julai 2023. Kertas siasatan telah dirujuk ke Pejabat Pendakwa Raya untuk kajian lanjut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG  
[ MARANG ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan Malaysia terhadap parti politik yang memperjuangkan dasar sekularisme dan Malaysian Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) adalah agensi yang melaksanakan kawalan terhadap parti-parti politik yang berdaftar berdasarkan kepada lunas undang-undang negara sepertimana yang termaktub di bawah prinsip dan Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana Perlembagaan Negeri selaras dengan Seksyen 2A (1) Akta Pertubuhan 1966 [Akta 832] seperti berikut:

Pertubuhan berdaftar hendaklah bertindak melaksanakan Perlembagaan

2A. (1) Menjadi kewajipan tiap-tiap pertubuhan berdaftar dalam menjalankan aktivitinya dan dalam mengendalikan hal ehwalnya memastikan bahawa ia selaras dengan, dan berfaedah bagi pelaksanaan dan pematuhan, peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri, dan jika mana-mana aktiviti atau hal ehwal mana-mana pertubuhan itu adalah

## **SOALAN NO : 45**

dengan apa-apa cara melanggar, atau mengurangkan, atau bertentangan dengan, atau menampakkan sikap tidak mengendahkan :

- (a) sistem pemerintahan berdemokrasi yang diketuai oleh seorang raja berperlembagaan Malaysia, dan, oleh Raja berperlembagaan atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri-Negeri;
- (b) kedudukan agama Islam sebagai agama Malaysia, dengan agama lain diamalkan dengan aman dan damai;
- (c) penggunaan bahasa kebangsaan bagi maksud rasmi;
- (d) kedudukan orang Melayu dan anak negeri di Negeri Sabah dan Sarawak;
- (e) kepentingan sah kaum-kaum lain,

sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana Perlembagaan Negeri, Pendaftar boleh membatalkan pendaftaran pertubuhan itu selepas memberi pertubuhan itu suatu peluang untuk membuat representasi kepadanya.

Sekian, terima kasih.